



HADIAH... Mohd Aminuddin (tiga dari kiri) menyampaikan hadiah kepada Abdul Wahab (dua kanan).



PEMENANG.... Sebahagian para pemenang bergambar kenangan bersama penganjur kejohanan Catur Terbuka Pila Pengarah UMSKAL.

86 peminat catur sertai Kejohanan Catur Terbuka Piala Pengarah UMSKAL 2018

NST 6.12.2018 15

OLEH JAINUDIN DJIMIN

LABUAN : Seramai 86 pemain catur dari Sabah, Brunei, Melaka dan Labuan menyertai Kejohanan Catur Terbuka Piala Pengarah UMSKAL yang diadakan di Dewan Theatrette, Manara UMSKAL, baru-baru ini.

Kejohanan yang diadakan sempena Tamu Gadang UMSKAL itu dianjurkan oleh Kelab Catur UMSKAL dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Labuan itu menyaksikan pemain dari Sabah berjaya mengungguli kejohanan yang menyediakan 10 kategori itu.

Bagi kategori Terbuka Lelaki menyaksikan peserta Sabah, Abdul Wahab Abu Bakar muncul johan. Naib johan Abdul Sahim Wising juga dari Sabah dan tempat ketiga dimenangi Pg. Hira Pg. Mohd Omar dari Brunei Darussalam.

Manakala bagi kategori Wanita Terbuka johan

dimenangi oleh Evelyn Leong (Sabah) naib johan dan ketiga dimenangi oleh peserta tuan rumah (Labuan) masing-masing Katherine Samantha Likoh dan Connie Lam.

Peserta dari Sabah sekali lagi mencuri tumpuan apabila pesertanya Hamdi Musin yang mewakili Jabatan Pendidikan Negeri Sabah muncul johan Kategori Terbaik Penjawat Awarn, naib johan dimenangi oleh Dr. Rosnelizade Ramli dari Jabatan Kesihatan Labuan.

Bagi kategori Terbaik UMS Lelaki, johan dimenangi oleh Alex Lam Kah Seng (Kota Kinabalu), Naib johan Mohamad Ezuan Ismail (UMSKAL) dan tempat ketiga Lee Hong Chai (UMSKAL).

Sementara itu, bagi Kategori Wanita Terbaik UMS, johan dimenangi Eleyeyana Edlin (UMSKAL), naib johan Sheena Muthuraman (UMSKAL) dan ketiga Siti Roana Zainudin (UMSKAL).

Turut dipertandingkan pada kejohanan itu ialah kategori Lelaki Terbaik 18 Tahun yang menyaksikan pelajar dari Kolej Matrikulasi Labuan Devan Predrik Law Yun Wang muncul johan dan naib johan dimenangi oleh rakannya Vernold Musran, manakala tempat ketiga dimenangi Abdul Shafiq Abdul Salim dari SM St. Anthony Labuan.

Bagi kategori Lelaki Terbaik 15 Tahun peserta dari Labuan SMK Labuan, Wong Wei Jie muncul johan dan naib johan dimenangi oleh Wong Wei Hao juga dari SMK Labuan dan tempat ketiga dimenangi oleh Adam Mikail Ab Halim dari SM Sains Sabah.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Ketua Pengurus Teknik Catur Kebangsaan Mohd Aminuddin Abdul Malik.

Hadir sama, Pengurus Penganjur Kejohanan, Jonathan Likoh dan Timbalan Pengurus Penyelaras Kejohanan, Mohd Norial Jumat.